

Faks : 237605

Tel : 252692

Bil : KEW(R)100-6/2 Klt.6/21

Tarikh : 26 Januari 2005



KEMENTERIAN KEWANGAN  
Wisma Kewangan  
88593 Kota Kinabalu  
Sabah, Malaysia

Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri Sabah  
Semua Ketua Eksekutif/Pengurus Besar  
Badan-Badan Berkanun Negeri Sabah

## SURAT PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN BIL.2/2005

### GARIS PANDUAN PERLAKSANAAN ENAKMEN BADAN-BADAN BERKANUN (PERUNTUKAN-PERUNTUKAN TAMBAHAN) 1997

#### 1. TUJUAN

- 1.1. Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memberi garis panduan mengenai penetapan peruntukan-peruntukan tertentu dalam pelaksanaan Enakmen Badan-Badan Berkanun (Peruntukan-Peruntukan Tambahan) 1997. Penetapan peruntukan-peruntukan tertentu ini telah pun disiarkan dan dimaklumkan melalui Warta Kerajaan Jil.LVII bertarikh 16hb Mei 2002 No.19.

#### 2. LATARBELAKANG

- 2.1. Enakmen Badan-Badan Berkanun (Peruntukan-Peruntukan Tambahan) 1997 telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri pada bulan November 1997 dan diperkenankan oleh Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri pada 24hb Disember 1997. Enakmen ini telah dikuatkuasakan pada 1hb Januari 1998.
- 2.2. Berikutan dengan itu, Jemaah Kabinet Negeri didalam mesyuaratnya pada 24hb Mac 1999 telah pun meluluskan penetapan peruntukan tertentu didalam enakmen berkenaan seperti terkandung didalam Surat Pekeliling Kementerian Kewangan bil.3/99 (KEW(R)100-6/2 Jld.3 bertarikh 20hb Mei 1999).
- 2.3. Namun dengan tujuan pembaikan, Kementerian telah mengkaji semula penetapan peruntukan-peruntukan berkenaan dan mengemukakan syor perubahan kepada Jemaah Kabinet Negeri. Jemaah Kabinet Negeri didalam mesyuaratnya pada 06hb Februari 2002 telah pun meluluskan penetapan baru peruntukan-peruntukan berkenaan yang merupakan penurunan kuasa kabinet kepada Menteri Kewangan,

Menteri masing-masing serta Lembaga Pengarah Badan-Badan Berkanun berkenaan. Peruntukan-peruntukan yang terlibat adalah peruntukan 8(1)(a)(b)(c)(e), 9 dan 10(a)(b)(c)(d)(e) Enakmen Badan-Badan Berkanun (Peruntukan-Peruntukan Tambahan) 1997 seperti di Lampiran I.

3. **PENGUATKUASAAN**

- 3.1. Pelaksanaan atau kuatkuasa penetapan bagi semua peruntukan berkenaan iaitu 8(1)(a)(b)(c)(e), 9 dan 10(a)(b)(c)(d)(e) adalah mulai dari 6hb Februari 2002.
  - 3.2. Bagi penetapan-penetapan terdahulu untuk peruntukan-peruntukan yang tidak terlibat didalam penetapan ini, maka penetapan-penetapan berkenaan adalah masih terpakai dan berkuatkuasa bersama dengan penetapan-penetapan yang baru sehingga perubahan dibuat atau peraturan-peraturan baru dilaksanakan/dikuatkuasakan dimasa-masa akan datang.
4. Adalah diharapkan melalui perwakilan kuasa menerusi penetapan peruntukan-peruntukan yang baru ini, dimana meliputi pemberian kuasa kepada Lembaga-Lembaga Pengarah Badan-Badan Berkanun masing-masing, akan membantu mempercepatkan lagi sistem penyampaian serta memperbaiki prestasi Badan-Badan Berkanun berkenaan.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH”**



( **DATUK H.J.S.ABDILLAH HASSAN J.P.** )  
**Setiausaha Tetap**

s.k. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Tingkat 6  
Wisma Innoprise  
**88817 KOTA KINABALU**

Peguam Besar Negeri Sabah  
Tingkat 9  
Menara Tun Mustapha  
**88990 KOTA KINABALU**

Bendahari Negeri  
Jabatan Bendahari Negeri Sabah  
Wisma Kewangan  
**88595 KOTA KINABALU**

Pengarah Audit Negeri Sabah  
Jabatan Audit Negara  
Cawangan Negeri Sabah  
Tingkat 7 Rumah Persekutuan  
Jalan Mat Salleh  
**88518 KOTA KINABALU**

Semua Pengerusi Jawatankuasa Pemeriksaan dan Audit  
Badan-Badan Berkanun Negeri

**LAMPIRAN I**

**Enakmen Badan-Badan Berkanun (Peruntukan-Peruntukan Tambahan) 1997**

**- Penetapan Peruntukan-Peruntukan 8 (1)(a)(b)(c)(e), 9, 10 (a)(b)(c)(d)(e) dan 22 (a)(b)**

1. Peruntukan 8(1)(a) menyatakan bahawa sesuatu Badan Berkanun tidak boleh, tanpa kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Kabinet, mengusahakan atau membenarkan pengusahaan apa-apa kerja atau khidmat atau belian melebihi sesuatu jumlah sebagaimana diarahkan oleh Kabinet secara umum atau dalam hal-hal tertentu.

1.1\* Peruntukan 8(1)(a) adalah tertakluk kepada:

**JADUAL**

**PIHAK BERKUASA**

**HAD KUASA**

a.	Menteri Kewangan	melebihi RM2 juta sehingga RM5 juta
b.	Menteri masing-masing bagi Badan-Badan Berkanun Kumpulan I adalah seperti Berikut:	melebihi RM1 juta sehingga RM2 juta
	i. Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Sabah	
	ii. Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah	
	iii. Lembaga Pemegang Amanah Tun Fuad	
c.	Menteri masing-masing bagi Badan-Badan Berkanun Kumpulan II adalah seperti	melebihi RM500,000 sehingga RM2 juta

Berikut:

- i. Perbadanan Kemajuan Ekonomi Sabah
  - ii. Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah
  - iii. Perbadanan Pinjaman Sabah
  - iv. Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar
  - v. Lembaga Industri Getah Sabah
- d. Menteri masing-masing bagi Badan-Badan Berkanun Kumpulan III adalah seperti berikut: melebihi RM250,000 sehingga RM2 juta
- i. Majlis Ugama Islam Sabah
  - ii. Koperasi Pembangunan Desa
  - iii. Perbadanan Kemajuan Pelancongan Sabah
  - iv. Lembaga Sukan Negeri Sabah
  - v. Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah
  - vi. Koperasi Kemajuan Perikanan Dan Nelayan Sabah (KO-NELAYAN)
  - vii. Lembaga Kemajuan Perhutanan Negeri Sabah (SAFODA)
  - viii. Lembaga Pemegang Amanah Taman-Taman Sabah
- e. Lembaga Pengarah Badan-Badan Berkanun Kumpulan I adalah seperti berikut: RM1 juta dan ke bawah

- i. Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Sabah
- ii. Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah
- iii. Lembaga Pemegang Amanah Tun Fuad
  
- f. Lembaga Pengarah Badan-Badan Berkanun Kumpulan II adalah seperti Berikut: RM500,000 dan ke bawah
  - i. Perbadanan Kemajuan Ekonomi Sabah
  - ii. Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah
  - iii. Perbadanan Pinjaman Sabah
  - iv. Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar
  - v. Lembaga Industri Getah Sabah
  
- g. Lembaga Pengarah Badan-Badan Berkanun Kumpulan III adalah Seperti berikut: RM250,000 dan ke bawah
  - i. Majlis Ugama Islam Sabah
  - ii. Koperasi Pembangunan Desa (KPD)
  - iii. Perbadanan Kemajuan Pelancongan Sabah
  - iv. Lembaga Sukan Negeri Sabah
  - v. Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah

- vi. Koperasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Sabah (KO-NELAYAN)
  - vii. Lembaga Kemajuan Perhutanan Negeri Sabah (SAFODA)
  - viii. Lembaga Pemegang Amanah Taman-Taman Sabah
2. Peruntukan 8(1)(b) menyatakan bahawa sesuatu Badan Berkanun tidak boleh, tanpa kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Kabinet, melupuskan apa-apa aset modalnya dengan nilai pasaran melebihi suatu jumlah sebagaimana yang diarahkan oleh Kabinet secara umum atau dalam hal-hal tertentu.
- 2.1\* Peruntukan 8(1)(b) adalah tertakluk kepada:

**JADUAL**

<b><u>PIHAK BERKUASA</u></b>	<b><u>HAD KUASA</u></b>
a. Menteri Kewangan	RM5 juta dan ke bawah

3. Peruntukan 8(1)(c) menyatakan bahawa sesuatu Badan Berkanun tidak boleh, tanpa kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Kabinet, membatalkan hutang lapuk atau apa-apa tunggakan hasil melebihi jumlah yang diarahkan oleh Kabinet.

3.1.\* Peruntukan 8(1)(c) adalah tertakluk kepada:

**JADUAL**

<b><u>PIHAK BERKUASA</u></b>	<b><u>HAD KUASA</u></b>
a. Menteri Kewangan	RM5 juta dan ke bawah

4. Peruntukan 8(1)(e) menyatakan bahawa sesuatu Badan Berkanun tidak boleh, tanpa kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Kabinet, memeterai mana-mana perjanjian kerjasama melibatkan mana-mana tanah yang terletak hak kepada Badan Berkanun itu atau diberimilik kepadanya oleh Kerajaan Negeri bagi tujuan melaksanakan tugas-tugasnya atau menjalankan fungsi-fungsinya dibawah undang-undang Negeri menurut mana ianya diperbadankan.

4.1\* Peruntukan 8(1)(e) adalah tertakluk kepada:

**JADUAL**

<b><u>PIHAK BERKUASA</u></b>	<b><u>HAD KUASA</u></b>
a. Menteri Kewangan	RM5 juta dan ke bawah
5. Peruntukan 9 menyatakan bahawa tiada Badan Berkanun boleh dibenarkan untuk menubuhkan mewujudkan atau memperbadankan mana-mana syarikat pemegang atau subsidiari tanpa kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Kabinet.	
5.1* Peruntukan 9 adalah tertakluk kepada Kuasa Kabinet dibawah seksyen ini keseluruhannya diperturunkan kepada Menteri Kewangan.	
6. Peruntukan 10 (a) menyatakan bahawa tiada Badan Berkanun boleh, tanpa kelulusan bertulis daripada Kabinet menyebabkan penambahan atau pengurangan modal keluaran atau berbayar mana-mana syarikat pemegang atau subsidiari.	
6.1.* Peruntukan 10(a) adalah tertakluk kepada Kuasa Kabinet keseluruhannya dibawah seksyen ini diperturunkan kepada Menteri Kewangan.	
7. Peruntukan 10 (b) menyatakan bahawa tiada Badan Berkanun boleh, tanpa kelulusan bertulis daripada Kabinet, membenarkan pinjaman oleh mana-mana syarikat pemegang atau subsidiari melebihi suatu had yang mana Menteri boleh, selepas berbincang dengan Pihak Berkuasa Kewangan Negeri, menentukan secara umum atau dalam apa-apa kes tertentu atau daripada sumber selain daripada bank atau institusi kewangan.	
7.1.* Peruntukan 10(b) adalah tertakluk kepada:	

**JADUAL**

<b><u>PIHAK BERKUASA</u></b>	<b><u>HAD KUASA</u></b>
a. Menteri Kewangan	RM5 juta dan ke bawah



8. Peruntukan 10 (c) menyatakan bahawa tiada Badan Berkanun boleh, tanpa kelulusan bertulis daripada Kabinet menggerenti atau memberikan apa-apa bentuk sekuriti bagi apa-apa pinjaman, tanggungan atau obligasi, kontraktual atau sebaliknya, mana-mana syarikat pemegang atau subsidiari atau berkaitannya.

8.1.\* Peruntukan 10(c) adalah tertakluk kepada:

**JADUAL**

**PIHAK BERKUASA**

**HAD KUASA**

a. Menteri Kewangan RM5 juta dan ke bawah

9. Peruntukan 10 (d) menyatakan bahawa tiada Badan Berkanun boleh, tanpa kelulusan bertulis daripada Kabinet, melantik atau menyebabkan untuk dilantik mana-mana perunding, kontraktor, pengurus projek atau penasihat profesional untuk mengusahakan atau melaksanakan apa-apa kerja, projek atau skim yang dibiayai oleh wang diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri atau mana-mana Kerajaan telah memperuntukkan sekuriti dalam apa-apa bentuk sekalipun.

9.1.\*\* Peruntukan 10(d) adalah tertakluk kepada Kuasa Kabinet dibawah seksyen ini diperturunkan keseluruhannya kepada Pihak Berkuasa Kewangan Negeri selaras dengan Arahan Perbendaharaan bil.186.

10. Peruntukan 10 (e) menyatakan bahawa tiada Badan Berkanun boleh, tanpa kelulusan bertulis daripada Kabinet, menyebabkan atau membenarkan mana-mana ahli dan nominee dalam Lembaga Pengarah daripada mana-mana syarikat pemegang atau subsidiari atau berkaitannya, untuk dibayar atau menerima gaji, elaun atau keistimewaan lain melebihi jumlah yang diluluskan oleh Kabinet.

10.1\*\* Peruntukan 10(e) adalah tertakluk kepada:

**JADUAL**

**PIHAK BERKUASA**

**HAD KUASA**

a. Menteri Kewangan Melebihi RM200 sebulan atau RM2,400 setahun sehingga RM1,000 sebulan atau RM12,000 setahun

11. Peruntukan 22(a) menyatakan Kabinet boleh memberi arahan secara umum bagi tujuan menjalankan peruntukan-peruntukan Enakmen ini, dan khususnya tanpa menyentuh

keluasan makna peruntukan-peruntukan itu, arahan tersebut boleh memperuntukkan bagi semua atau mana-mana perkara berikut gaji, fee, elaun dan keistimewaan ahli-ahli mana-mana Badan Berkanun.

- 11.1\*\* Peruntukan 22(a) berkait dengan gaji, fee, elaun dan keistimewaan ahli-ahli mana-mana Badan Berkanun adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan dan kadar-kadar sepertimana di **Lampiran II**.
12. Peruntukan 22(b) menyatakan Kabinet boleh memberi arahan secara umum bagi tujuan menjalankan peruntukan-peruntukan Enakmen ini, dan khususnya tanpa menyentuh keluasan makna peruntukan-peruntukan itu, arahan tersebut boleh memperuntukkan bagi semua atau mana-mana perkara berikut gaji, fee, elaun dan keistimewaan ahli-ahli Lembaga Pengarah bagi mana-mana syarikat pemegang atau subsidiari Badan Berkanun.
- 12.1\*\* Peruntukan 22(b) adalah tertakluk kepada:

**JADUAL**

<b><u>PIHAK BERKUASA</u></b>	<b><u>HAD KUASA</u></b>
a. Menteri Kewangan	Melebihi RM200 sebulan atau RM2,400 setahun sehingga RM1,000 sebulan atau RM12,000 setahun

- NOTA:
- i.\* - Penetapan yang berkuatkuasa mulai dari 6hb Februari 2002
  - ii.\*\* - Penetapan yang berkuatkuasa mulai dari 24hb Mac, 1999

**PERATURAN MENGENAI KADAR ELAUN-ELAUN DAN  
KEMUDAHAN-KEMUDAHAN YANG DIBERIKAN KEPADA  
PENGERUSI, TIMBALAN PENGERUSI DAN AHLI-AHLI  
LEMBAGA PENGARAH BADAN-BADAN BERKANUN NEGERI**

1. Kadar-kadar Elaun dan kemudahan-kemudahan yang ditetapkan ini adalah merupakan had atau unit maksima yang boleh diberikan oleh Badan-Badan Berkanun kepada Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Ahli-Ahli Lembaga Pengarah masing-masing. Namun demikian, pemberian (pembayaran) kadar-kadar elaun dan kemudahan-kemudahan berkenaan adalah juga tertakluk kepada kemampuan kewangan Badan-Badan Berkanun masing-masing.
2. Kadar Elaun dan kemudahan-kemudahan ini adalah berkuatkuasa dan diguna pakai mulai dari tarikh ianya diluluskan oleh Jemaah Kabinet. Walau bagaimanapun Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Badan-Badan Berkanun yang sedang menikmati elaun-elaun dan kemudahan-kemudahan sekarang boleh terus menikmati elaun-elaun dan kemudahan-kemudahan berkenaan sehingga tamat perantukan mereka. Kecuali penyediaan kereta rasmi jenis 'Proton Perdana' untuk Pengerusi berkuatkuasa bila mana pembelian baru untuk menggantikan kereta rasmi yang sedia ada atau pembelian (penyediaan) untuk pertama kali hendak dibuat. Ini bermakna penggunaan kereta rasmi yang sedia ada tanpa mengira jenis bolehlah diteruskan.
3. Peraturan ini juga mestilah dipatuhi oleh penyalur dan jawatankuasa yang diwujudkan mengikut peruntukan Enakmen Badan-Badan Berkanun masing-masing dan peraturan-peraturan lain yang berkaitan.

**ELAUN DAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN  
YANG DIBERIKAN KEPADA PENGERUSI, TIMBALAN  
PENGERUSI DAN AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH  
BADAN-BADAN BERKANUN NEGERI**

BIL.	ELAUN DAN KEMUDAHAN	PENGERUSI	TIMBALAN PENGERUSI	AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH
1	Elaun Tetap Bulanan	Tidak melebihi RM4,500.00	½ daripada Elaun Pengerusi (RM2,250)	Tidak dibayar
2	Elaun mesyuarat	Tidak dibayar	Tidak dibayar	RM200/-

BIL	ELAUN DAN KEMUDAHAN	PENGERUSI	TIMBALAN PENGERUSI	AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH
3	Elaun mengurus mesyuarat	Tidak dibayar	RM200/-	RM200/-
4	Kakitangan rumah	Tidak dibayar	Tidak dibayar	Tidak dibayar
5	Kemudahan telefon	Terhad RM200/- sebulan	Tidak dibayar	Tidak dibayar
6	Elaun keraian	Tidak dibayar	Tidak dibayar	Tidak dibayar
7	Elaun hotel/penginapan - diluar pejabat - diluar negeri - diluar negara	Mengikut kemampuan kewangan dan kesesuaian Badan Berkanun berkenaan	Mengikut kemampuan kewangan dan kesesuaian Badan Berkanun berkenaan	Mengikut kemampuan kewangan dan kesesuaian Badan Berkanun berkenaan
8	Elaun hidup harian masa bertugas rasmi - diluar pejabat - diluar negeri - diluar negara	RM100/- RM120/- RM200/-	Mengikut kelayakan Pegawai Kerajaan dalam Gred 2	Mengikut kelayakan Pegawai Kerajaan dalam Gred 2
9	Kelayakan perjalanan	Kelayakan penerbangan adalah Kelas Business	Kelayakan penerbangan adalah Kelas Ekonomi	Kelayakan penerbangan adalah Kelas Ekonomi
10	Kereta rasmi	Proton Perdana	Tidak disediakan	Tidak disediakan
11	Pemandu	satu	-	-
12	Kemudahan kelah/rekreasi	Tidak dibayar	Tidak dibayar	Tidak dibayar
13	Kemudahan sewa rumah	Tidak dibayar	Tidak dibayar	Tidak dibayar
14	Kemudahan pinjaman kereta	Ditiadakan	Ditiadakan	Ditiadakan
15	Kemudahan perubatan (tidak termasuk pergigian)	Mengikut kelayakan Pembantu Menteri	Mengikut kelayakan Pegawai Kerajaan dalam Gred 2	Mengikut kelayakan Pegawai Kerajaan dalam Gred 2